

SEJARAH MALAYSIA - PETIKAN SATU

MELAKA SEBAGAI PUSAT PERDAGANGAN Malacca as a Trading Centre

- 1.1 Melaka ialah pelabuhan perdagangan yang utama di Asia Tenggara. Pedagang-pedagang datang dari India, Cina, Timur Tengah dan Hindia Timur untuk bertukar-tukar barang-barang di situ. *[TP-2 p.7]*

Melaka menjadi pelabuhan yang penting dan maju kerana beberapa sebab. Perniagaan di situ dijalankan dengan teratur. Kerajaan Melaka juga menyediakan gudang barang dagangan dan, dengan ini, barang dagangan tidak akan rosak walaupun disimpan lama. Rumah penginapan yang selesa juga disediakan untuk pedagang asing yang terpaksa tinggal lama di situ. Lagi pun kapal asing yang masuk ke pelabuhan dikenakan cukai yang amatlah rendah. *[SMD-5 p.12]*

Melaka ialah sebuah tempat yang penting dan Portugis tahu akan hal ini. *[TP-2 p.7]*

- 1.2 Orang Portugis mengambil keputusan menakluki Melaka dan menguasai perdagangan di situ. Mereka berlayar memasuki pelabuhan Melaka dalam bulan Julai 1511. Kapal-kapal mereka membuat tiga serangan ke atas Melaka dan akhirnya mereka mengalahkan orang-orang Melaka dan dapat menawan bandar tersebut. Melaka jatuh ke tangan orang Portugis pada 24hb Ogos 1511. *[TP-2 p.9]*

Pada masa orang Portugis menyerang Melaka ramai pedagang di situ telah melarikan diri dan perdagangan merosot. Orang Portugis mahu perdagangan dihidupkan semula. Mereka berbaik-baik dengan pedagang-pedagang yang berlayar di situ. Tidak lama kemudian pedagang-pedagang itu datang semula dan Melaka sekali lagi menjadi sebuah pusat perdagangan yang terkemuka di Asia Tenggara. *[TP-2 p.12]*

Orang Portugis memerintah Melaka hingga orang Belanda menawannya dalam tahun 1641. *[TP-2 p.13]*

- 1.3 Orang Belanda memerintah Melaka lebih daripada 150 tahun. Mereka dikatakan lebih baik daripada orang Portugis dalam beberapa perkara. Mereka mengadakan undang-undang dan mengamankan Melaka. Sesiapa yang melanggar undang-undang dihukum dengan berat. *[TP-2 p.24]*

Orang Belanda juga melantik pegawai-pegawai yang baik dan berkebolehan untuk mentadbir Melaka. Pegawai-pegawai mereka tidak bersifat kejam dan tamak seperti beberapa orang pegawai Portugis dahulu.

- 1.4 Orang Belanda menawan Melaka kerana mereka hendak menguasai perdagangan di Selat Melaka.

Oleh kerana Betawi di Pulau Jawa telah pun dijadikan pusat perdagangan orang Belanda yang utama di Timur, Melaka mereka jadikan pusat untuk mengumpul bijih timah dan lain-lain hasil dari Tanah Melayu. Mereka tidak mahu Melaka bersaingan dengan Betawi dalam perdagangan.